

(P)

**AKHLAK REMAJA DI FELDA ULU BELITONG,  
KLUANG, JOHOR : KAJIAN TENTANG MASALAH**

**WAN NORASIAH BINTI WAN ISMAIL**

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2003**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511195585

**AKHLAK REMAJA DI FELDA ULU BELITONG,  
KLUANG, JOHOR : KAJIAN TENTANG MASALAH**

**WAN NORASIAH BINTI WAN ISMAIL**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA USULUDDIN  
(BAHAGIAN II : KURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2003**

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti apakah masalah-masalah akhlak yang sering dilakukan oleh para remaja di Gugusan FELDA Ulu Belitong, Kluang, Johor. Selain itu, penulis juga cuba mencungkil faktor-faktor yang membawa kepada berlakunya salahlaku akhlak di FELDA berkenaan. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 120 orang remaja dalam lingkungan umur 13 hingga 23 tahun. Hasil kajian pula dianalisis secara manual.

Daripada kajian ini penulis mendapati ramai remaja sekolah lelaki yang rendah pencapaian akademiknya terlibat dalam pelbagai masalah akhlak yang ringan seperti ponteng sekolah, berfoya-foya dan melepak di bandar. Jenayah-jenayah yang berat seperti berjudi, minum arak dan penagihan dadah pula banyak dilakukan oleh remaja yang menganggur dan sudah bekerja. Antara faktor yang mendorong remaja terlibat dalam gejala ialah kerana kesibukan ibu bapa bekerja menyebabkan berlakunya pengabaian kasih sayang, kurang komunikasi dan kurang penekanan ilmu agama. Selain itu, contoh negatif daripada ibu bapa dan ahli keluarga, pengaruh rakan sebaya dan media massa turut menjadi penyumbang kepada berlakunya salahlaku berkenaan. Antara pendekatan yang dikenalpasti sesuai dan berkesan untuk diaplikasikan bagi membangunkan akhlak pelajar terutamanya dari sudut kejiwaan ialah pendekatan melalui teladan dan nasihat yang baik, galakan dan pujian, latihan yang berterusan dan juga hukuman yang sepatutnya.

## **ABSTRACT**

This research paper is intended to identify the juvenile problem among the youth at Gugusan Felda Ulu Belitong, Kluang Johor. Apart from that, the writer will also attempt to disclose all the factors that bring about this juvenile problem. For research purposes a sample of 120 youth age 13 to 25 are being taken and the result of this research are being analyze manually.

Among the findings of this research can be categories into 5 major group. The first one represent youth that involves in minor juvenile offenses such as not attending school classes and lofiting in the nearby town or city without purposes. Second, represent the serious criminal offenses such as gambling, drugs and alcohol are committed by youth who already work or left school for good. Standard of living would make up the third factor that led to this juvenile problem. Most FELDA settler are low income earners, to bare the fact that most parents have to work hard to earn money for their famil. They actually has left the responsibility to give moral guidance to their young children especially their teenagers. As the result this-young FELDA generation are lack in religion thought and relationship with their other family members. It is not denied, other factors such as peer and family negative influence and the media influence also contribute to this increasingly intense problem. As a conclusion there is several method that can be adopted to overcome such problems such as counseling session, moral incentives and finally reasonable punishment for the offenders.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, segala puji yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmat-Nya, penulis diberikan kekuatan untuk menyiapkan disertasi ini. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, keluarga dan sahabat baginda seluruhnya.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Profesor Dr. Ab. Aziz Mohd Zin, selaku penyelia yang banyak membimbing, menegur dan menasihati penulis dalam menyiapkan penulisan ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

Tidak lupa juga penghargaan diberikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Pejabat Pendidikan Daerah Kluang, Johor, Jabatan FELDA, Pengurus dan Pegawai Belia FELDA Ulu Belitong, Kluang, Johor, Ibu Pejabat Polis Kluang, Johor, pegawai polis di Pondok Polis Ulu Belitong, guru-guru SMK Ulu Belitong, ibu bapa dan responden remaja serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan disertasi ini.

Sanjungan dan terima kasih tidak terhingga kepada keluarga terutamanya ayahanda W. Ismail bin W. Sa'mah dan bonda, Fauziah Abdul Rahman atas segala sokongan kewangan, nasihat dan dorongan kepada penulis untuk menyempurnakan penulisan ini. Buat suami tersayang, Ahmad Harun, terima kasih tidak terbalas atas pengorbanan perasaan, dorongan semangat serta kesabaran dalam menunggu penulis

menyiapkan pengajian di peringkat ini . Puteri tersayang, Nur'Ain Rafifah dan cahaya mata yang bakal lahir nanti, semoga kalian menjadi kebanggaan umi dan abi dunia dan akhirat.

Tidak ketinggalan, ribuan terima kasih ditujukan kepada sahabat dan adik-adik di rumah 2-1-9 dan 19-2-28 Taman Bkt. Angkasa, Pantai Dalam kerana memberikan penulis menyewa seketika sementara menyiapkan penulisan ini. Kakak-kakak dan abang, yang banyak menghulurkan nasihat, adinda Eyra, Ina , Idi, Ida dan Isyam, yang banyak membantu kakak mencari bahan dan menaip disertasi ini. Terima kasih semuanya. Moga kalian juga akan menempa kejayaan yang gemilang buat ibu dan ayah.

Akhir sekali penulis berharap agar disertasi ini boleh memberi manfaat kepada ibu bapa, guru dan pelajar serta semua pihak yang prihatin dengan kegawatan akhlak remaja masa kini.

Wan Norasiah Wan Ismail  
4A Lorong Apollo 6, Jalan Apollo,  
96000 Sibu,  
Sarawak Bumi Kenyalang.

Kg. Buloh Poh, Ketereh,  
16450 Kota Bharu,  
Kelantan Darul Naim.

## **PANDUAN TRANSLITERASI**

<b><u>Huruf Arab</u></b>	<b><u>Transliterasi</u></b>
ء , ۚ	a, ' (Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	§
ض	ɖ
ط	ʈ
ظ	ڙ
ع	'
غ	gh

ف	:	f
ق	:	q
ك	:	k
ل	:	l
م	:	m
ن	:	n
ه	:	h
و	:	w
ي	:	y
ة	:	h

### Vokal Panjang

ا	:	ā
و	:	ū
ى	:	ī

### Vokal Pendek

_____ (Fāthāh)	a
_____ (dammah)	u
_____ (kasrah)	i

### Diftong

أو	:	aw
أي	:	ay
ي	:	iy / ī
وو	:	uww

## SENARAI KEPENDEKAN

ABIM	:	Angkatan Belia Islam Malaysia
bil	:	Bilangan
cet.	:	Cetakan
DBP	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
Dr.	:	Doktor
ed	:	Editor
et.al	:	Bagi mengambil tempat penulis-penulis lain jika buku berkenaan ditulis oleh lebih daripada dua orang penulis
FELDA	:	Federal Land Development Authority
h.	:	Halaman
hj	:	Haji
ibid	:	Ibidem : Pengarang, tajuk buku dan halaman yang sama. Bagi halaman yang berlainan akan diterangkan di hujungnya
IKIM	:	Institut Kefahaman Islam Malaysia
juz.	:	Juzuk
K.L	:	Kuala Lumpur
km :	:	Kilometer
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
M'sia	:	Malaysia
no	:	Nombor
op.cit	:	Opera citato : Pengarang dan tajuk buku yang sama dengan rujukan sebelumnya tetapi diselang dengan rujukan yang lain.

PJ	:	Petaling Jaya
PMR	:	Penilaian Menengah Rendah
s.a.w	:	Şallahu 'Alayhi Wasallam
S.W.T	:	Subḥānahu Wa Ta 'alā
Sdn. Bhd	:	Sendirian Berhad
SMK	:	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	:	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	:	Sijil Rendah Pelajaran
TADIKA	:	Taman Didikan Kanak-kanak
TASKI	:	Taman Asuhan Kanak-kanak Islam
terj.	:	Terjemahan
t.t	:	Tanpa tarikh
UKM	:	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	:	Universiti Malaya
UPM	:	Universiti Putra Malaysia
UPSR	:	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UUM	:	Universiti Utara Malaysia
vol	:	Volume
YADIM	:	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A : Borang Kaji Selidik\*

Lampiran B : Peta Lokasi Kawasan Gugusan FELDA Ulu Belitong

Lampiran C : Pelan Kompleks Perkampungan Ulu Belitong / Bukit Tongkat

Lampiran D : Pelan Perkampungan FELDA Ulu Belitong dan Bukit Tongkat

Lampiran F : Carta Kemasukan Peneroka ke FELDA Ulu Belitong

## KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
HALAMAN TAJUK	
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
PANDUAN TRANSLITERASI	vii
SENARAI KEPENDEKAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	xi
KANDUNGAN	xii - xvi

## PENDAHULUAN

Pernyataan Masalah	xvii
Objektif Kajian	xx
Kajian-kajian Lampau	xxi
Masalah Kajian	xxi
Metodologi Kajian	xxii

## BAB SATU : MENGENALI REMAJA

1.1. Pendahuluan	1
1.2. Definisi Remaja	1
1.3. Peringkat Perkembangan Remaja	5
1.3.1. Pra-Remaja	5
1.3.2. Peringkat Awal Remaja	7
a) Perkembangan jasmani	7
b) Perkembangan mental	8
c) Perkembangan emosi	9
d) Perkembangan sosial	10

1.3.3 Peringkat Akhir Remaja	11
a) Perkembangan jasmani	11
b) Perkembangan mental	12
c) Perkembangan emosi	12
d) Perkembangan sosial	13
1.4 Remaja dan Krisis Identiti Diri	15
1.5 Remaja dan Hubungannya Dengan Persekutaran	18
1.5.1 Remaja dan Keluarga	19
a) Hubungan antara remaja dan keluarga	19
b) Komunikasi antara remaja dan keluarga	21
c) Konflik antara remaja dan keluarga	23
1.5.2 Remaja dan Sekolah	25
a) Hubungan remaja dan guru	25
b) Hubungan remaja dan rakan sebaya	27
c) Remaja dan pelajaran	29
d) Remaja dan suasana persekitaran sekolah	31
1.5.3 Remaja dan Masyarakat	32
1.5.4 Remaja dan Kerjaya	34

## **BAB KEDUA : AKHLAK REMAJA**

2.1 Definisi Akhlak	36
2.2 Kedudukan Akhlak Dalam Islam	39
2.3 Sumber-sumber Pembentuk Akhlak Remaja	43
2.3.1 al-Qur'an	44
2.3.2 al-Hadith	46
2.4 Ciri-ciri Akhlak Remaja Islam	48
2.4.1 Bersifat benar dan amanah	48
2.4.2 Ikhlas	50
2.4.3 Tekun dan berdisiplin	52
2.4.4 Bersyukur	54

2.4.5 Sabar dan berjiwa mulia	55
2.4.6 Adil	57
2.5 Masalah Akhlak remaja Islam Masa Kini	58
2.5.1 Ponteng sekolah	60
2.5.2 Menghisap rokok	61
2.5.3 Melepak	63
2.2.4 Lari dari rumah	64
2.4.5 Kesalahan-kesalahan juvenil yang lain	67

**BAB KETIGA : MASALAH AKHLAK REMAJA DI FELDA ULU BELITONG, KLUANG, JOHOR**

3.1 Pendahuluan	70
3.2 FELDA Ulu Belitong, Kluang, Johor	71
3.2.1 Lokasi FELDA Ulu Belitong	71
3.2.2 Sejarah penubuhan dan latar belakang FELDA	72
3.2.3 Jumlah penduduk	73
3.2.4 Kemudahan asas dan infrastruktur	73
3.2.5 Pendidikan	74
3.2.6 Kegiatan ekonomi penduduk	75
3.2.7 Kegiatan sosial penduduk	75
3.3 Golongan Remaja FELDA Ulu Belitong	
3.3.1 Umur	76
3.3.2 Taraf pendidikan golongan remaja	76
3.3.3 Kegemaran dan aktiviti masa lapang	77
3.4 Masalah Akhlak Remaja di Gugusan FELDA Ulu Belitong Secara Umum	82
3.5 Kajian-kajian Lampau Tentang Masalah Akhlak Remaja di FELDA	84
3.6 Masalah Ponteng Sekolah	86

3.7 Masalah Pembaziran Masa	89
3.7.1 Berfoya-foya	89
3.7.2 Melepak	91
3.8 Masalah Vandalmisme / Merosakkan Harta Benda Awam	92
3.9 Kesalahan-kesalahan juvenil yang lain	94

**BAB KEEMPAT : PUNCA MASALAH AKHLAK REMAJA DI FELDA  
ULU BELITONG**

4.1 Pendahuluan	96
4.2 Punca Masalah Akhlak	97
4.2.1 Pengaruh Persekutuan Keluarga Yang Negatif	
a) Pengabaian keluarga terhadap kasih sayang dan penekanan agama	97
b) Taraf ekonomi keluarga yang rendah	101
c) Taraf pendidikan ibu bapa yang rendah	103
d) Contoh negatif daripada ibu bapa dan keluarga	105
4.2.2 Pengaruh Buruk Rakan Sebaya	108
4.2.3 Pengaruh Media Massa Yang Negatif	111
4.2.4 Ketidakpedulian Masyarakat Sekitar	117
4.2.5 Pengaruh Persekolahan yang Kurang Memberangsangkan	119
a) Sikap negatif pihak guru	120
b) Suasana bilik darjah dan iklim pembelajaran yang tidak memberangsangkan	121
c) Kekurangan aktiviti sekolah	122
4.3 Pendekatan-pendekatan Pembangunan Akhlak Yang Sesuai	
Diaplilikasikan Kepada Remaja	125
4.3.1 Pendekatan melalui teladan yang baik	125
4.3.2 Pendekatan melalui nasihat yang baik	126
4.3.3 Pendekatan melalui latihan yang berterusan	127

4.3.4 Pendekatan melalui galakan dan ganjaran	128
4.3.5 Pendekatan melalui hukuman	129

### **BAB KELIMA : PENUTUP**

5.1 Kesimpulan	130
5.2 Saranan	135

### **BIBLIOGRAFI**

### **LAMPIRAN**

## **PENDAHULUAN**

Di bawah tajuk pendahuluan ini penulis akan membincangkan landasan teori bagi penulisan disertasi ini meliputi :

- Pernyataan Masalah
  - Objektif Kajian
  - Kajian-kajian Lampau
  - Masalah-masalah Kajian
  - Metodologi kajian.
- 
- **Pernyataan Masalah**

Di dalam pernyataan masalah ini, penulis akan memfokuskan perbincangan kepada dua elemen penting iaitu :-

- Latar belakang masalah kajian
- Kepentingan kajian

### **- Latar Belakang Masalah Kajian**

Remaja merupakan aset dan khazanah utama negara. Mereka lah tulang belakang dan bakal pewaris generasi kepimpinan akan datang. Remaja juga adalah golongan yang amat sensitif terhadap alam sekelilingnya. Lantaran itu, zaman remaja memang merupakan satu zaman yang penuh mencabar, bergelora dan bermasalah bagi

sebahagiannya. Ini bertepatan dengan kajian yang telah dibuat oleh G. Stanley Hall terhadap remaja-remaja di Amerika Syarikat.<sup>1</sup>

Remaja yang kurang diberikan bimbingan dan perhatian oleh keluarga biasanya akan melakukan pelbagai karenah untuk mendapatkan perhatian masyarakat sekeliling mereka. Adakalanya sifat mereka yang ingin mencuba sesuatu yang baru mendorong mereka terlibat dalam gejala salahlaku akhlak yang serius seperti penagihan arak dan dadah, pil kuda, *estacy* dan sebagainya.

Di negara kita, isu kegawatan akhlak remaja semakin menular dan membara di kawasan pinggir bandar dan bandar-bandar besar. Rata-rata kajian yang telah dibuat oleh penyelidik banyak tertumpu di kawasan-kawasan tersebut. Namun ramai yang kurang menyedari bahawa para remaja di kawasan pedalaman seperti FELDA juga menghadapi masalah yang sama. Budaya *rock*, *punk*, penagihan dadah, penzinaan, bohsia dan bohjan, tayangan video lucah dan sebagainya semakin lali diperkatakan di kawasan-kawasan tersebut.

Bertitik tolak daripada masalah di atas, penulis merasa amat perlu untuk membincangkan persoalan masalah dan punca berlakunya krisis akhlak remaja serta aspek-aspek yang berkaitan dengannya. Bagaimanapun, fokus kajian penulis lebih terarah kepada golongan remaja FELDA kerana setakat ini perbincangan yang mendalam terhadap mereka kurang diketengahkan di dalam kajian-kajian yang terdahulu.

---

<sup>1</sup> Hall, G. Stanley (1904). *The Adolescent*, vol. 5, London : Mc. Millan, h. 45

Secara khususnya, kajian ditumpukan di negeri Johor, kerana mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1999 , kedudukan kesalahan juvana di Johor adalah antara yang tertinggi dilaporkan. Penulis memilih daerah Kluang pula kerana belum ada kajian tentang akhlak remaja di kawasan ini dibincangkan di dalam kajian-kajian terdahulu. Banyak perbincangan lebih ditumpukan di kawasan FELDA di sekitar Kota Tinggi dan daerah-daerah lain sahaja.

Lokasi FELDA Ulu Belitong pula dijadikan tumpuan kajian kerana kedudukan FELDA tersebut yang dilingkungi oleh beberapa buah FELDA lain disekitarnya. Gugusan FELDA tersebut terdiri daripada FELDA Ulu Belitong, FELDA Bukit Tongkat dan juga FELDA Ulu Pengeli.<sup>2</sup> Kebanyakan remaja di kawasan FELDA sekitarnya bersekolah di sekolah rendah dan menengah yang terdapat di FELDA Ulu Belitong. Malahan aktiviti-aktiviti utama belia dan remaja juga lebih tertumpu di FELDA tersebut. Lagipun, FELDA ini merupakan antara FELDA yang agak baru dibuka iaitu sekitar 15 tahun yang lepas sahaja. Justeru, penulis merasakan masalah akhlak remaja di kawasan ini perlu diberikan perhatian agar dapat dicungkil punca kepada berlakunya masalah tersebut pada peringkat awal lagi.

---

<sup>2</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk peta kawasan FELDA di dalam lampiran B

### **- Kepentingan Kajian**

Penulis merasakan kajian ini amat penting untuk dibincangkan memandangkan isu kegawatan akhlak golongan remaja FELDA kurang dikenalpasti di dalam kajian-kajian sebelum ini. Daripada penelitian penulis, kebanyakan kajian-kajian lampau hanya dilakukan oleh calon-calon sarjana muda sahaja. Kajian untuk penulisan disertasi bagi peringkat sarjana amat kurang dilakukan.<sup>3</sup>

Justeru, di dalam kajian ini penulis mengutarakan beberapa masalah salahlaku akhlak yang sering dilakukan oleh golongan remaja di kawasan FELDA Ulu Belitong, Kluang, Johor. Penulis juga cuba membongkar apakah punca dan pendorong utama yang menyebabkan berlakunya gejala tersebut di kawasan berkaitan.

### **• Objektif Kajian**

Di antara objektif utama yang digariskan dalam penulisan disertasi ini ialah :

1. Mengenali dan mengetahui kedudukan remaja terutama dari sudut psikologi dan emosi mereka
2. Mengenal pasti apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi akhlak dan perlakuan remaja FELDA.
3. Mengenal pasti cabaran-cabaran dalaman dan luaran yang perlu dihadapi oleh golongan remaja FELDA.

---

<sup>3</sup> Untuk keterangan lanjut bagi kajian-kajian lampau sila rujuk Bab Ketiga di halaman 84-86.

4. Mengenal pasti apakah jenis-jenis salahlaku yang dilakukan oleh remaja FELDA dan kenapa mereka melakukan perkara tersebut.

- **Kajian-kajian Lampau**

Perbincangan mengenai masalah akhlak remaja di bandar-bandar besar dan pinggir-pinggir bandar banyak diperkatakan di dalam kajian-kajian sebelum ini. Bagaimanapun, melalui penelitian dan analisa yang dibuat oleh penulis, tidak banyak kajian yang menyentuh masalah akhlak remaja di kawasan pedalaman terutamanya kawasan FELDA dibincangkan di dalam kajian-kajian yang terdahulu. Rata-rata pengkajian yang dibuat hanya melibatkan peringkat sarjana muda sahaja, itupun tidak banyak. Untuk maklumat lanjut bagi melihat kajian-kajian lampau yang dijalankan oleh pelajar diperingkat pengajian sarjana, sila lihat bab ketiga di dalam penulisan ini.<sup>4</sup>

- **Masalah-masalah yang dihadapi**

Dalam menyiapkan penulisan ini, penulis terpaksa berdepan dengan beberapa masalah. Antaranya ialah :

1. Kurangnya kerjasama daripada Pengetua Sekolah SMK Ulu Belitong sendiri pada peringkat awal kerana beliau takut prestasi beliau sebagai pengetua di sekolah berkenaan akan dipandang buruk oleh Jabatan Pendidikan Negeri.

---

<sup>4</sup> Sila rujuk Kajian-kajian Lampau dalam Bab Ketiga di h. 84-86

2. Kesukaran untuk mendapatkan responden daripada golongan remaja yang sudah bekerja dan menganggur. Pada awalnya, penulis mensasarkan lebih kurang 60 orang responden daripada tahap berkenaan tetapi disebabkan kerjasama yang kurang, penulis cuma mendapatkan seramai 47 orang sahaja.

- **Metodologi kajian**

Terdapat pelbagai jenis penyelidikan yang digunakan oleh para penyelidik di dalam kajian mereka. Bagaimanapun, di dalam kajian ini, penulis telah memilih untuk menggunakan tiga metode sahaja sebagai medan penyelidikan iaitu, metode penentuan subjek, metode pengumpulan data dan metode menganalisis data.

### **1. Metode Penentuan Subjek.**

Mengikut kaedah ini, penulis akan menentukan subjek yang ingin dikaji berdasarkan kaedah sampling, iaitu dengan mengambil beberapa orang remaja di kawasan Gugusan FELDA Ulu Belitong, Kluang, Johor sebagai responden dalam kajian yang dilakukan.<sup>5</sup>

---

<sup>5</sup> Untuk keterangan lanjut sila rujuk pendahuluan dalam Bab Ketiga – h. 70 dan Bab Keempat- h. 96

## **2. Metode Pengumpulan Data**

Bagi mendapatkan data dan fakta yang diperlukan dalam disertasi ini, penulis menggabungkan dua kaedah utama iaitu :

- (2a) Penyelidikan perpustakaan (*library research*)
- (2b) Penyelidikan luar atau lapangan. (*field research*)

### **(2a) Penyelidikan perpustakaan**

Penyelidikan perpustakaan ialah penyelidikan yang menumpukan aspek pengkajian kepada buku-buku, dokumen, manuskrip dan sebagainya yang terdapat di dalam perpustakaan untuk mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Bagi mendapatkan bahan yang diperlukan, penulis telah mengunjungi beberapa buah perpustakaan yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Kelantan. Antara perpustakaan yang dijadikan tempat rujukan penulis ialah :-

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
2. Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya
3. Perpustakaan Jabatan Sosiologi dan Antropologi Universiti Malaya
4. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
5. Perpustakaan Negara
6. Perpustakaan Pusat Islam

7. Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM
8. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
9. Pusat Dokumentasi Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Perpustakaan Al-Malik Faisal, Akademi Pengajian Islam Nilam Puri
11. Perpustakaan Negeri Kelantan

Di dalam penulisan ini, penulis menggunakan metode ini dalam mengumpulkan data-data di dalam bab pertama dan bab kedua. Bab pertama meliputi pengkajian berkaitan dengan definisi remaja, tahap-tahap perkembangan remaja dari sudut emosi, fizikal, mental dan sosial dalam semua peringkat. Krisis identiti diri dan konflik yang dihadapi mereka dalam perhubungan sehari-hari juga dibincangkan dalam bab tersebut.

Dalam bab kedua pula, penulis masih menggunakan metode yang sama untuk mengumpulkan data-data dan maklumat yang berkaitan dengan definisi akhlak, kedudukan akhlak dalam Islam, sumber-sumber pembentuk akhlak remaja Islam dan ciri-ciri akhlak yang perlu ada pada seseorang remaja Islam.

#### **(2b) Metode Penyelidikan luar ( lapangan )**

Menerusi penyelidikan lapangan pula, penulis menggunakan kaedah borang kaji selidik, wawancara dan observersi dalam mengumpulkan data-data yang diperlukan. Kaedah ini digunakan secara menyeluruh di dalam bab ketiga dan keempat.<sup>6</sup>

---

<sup>6</sup> Untuk keterangan lanjut, sila rujuk pendahuluan di dalam bab ketiga di h. 70 dan Bab keempat di h. 96

### **3. Metode Analisis data**

Penulis menggunakan beberapa teknik bagi menganalisis data yang diperolehi.

Antaranya ialah :

- i) Metode induktif
- ii) Metode deduktif
- iii) Metode komparatif ( perbandingan )